Norhardi Bin Saad

From: Jabatan Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, 25 February, 2025 5:37 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: KESKA - keskanet
Subject: KEMBARA HUTAN SINTOK UJI KETAHANAN AHLI KESKA

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

Your Reliab
DIGITAL INFORMAT

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT M

25 FEBRUARI 2025 / 26 SYAABAN 1446H
==========

Berita dan gambar oleh: Hazree Hairudin

KEMBARA HUTAN SINTOK UJI KETAHANAN AHLI KESKA



UUM ONLINE: Sintok, 25 Februari – Program Kembara Hutan Sintok anjuran Kesatuan Kakitangan Universiti Utara Malaysia (KESKA UUM) pagi tadi berjaya menarik penyertaan seramai 70 ahli.

Program yang diadakan sempena dengan sambutan ulang tahun ke-41 Hari Pengasasan UUM ini bertujuan untuk menguji daya ketahanan mental serta fizikal ahli-ahli KESKA dalam menangani tekanan kerja di tempat kerja.



Program yang dipimpin oleh staf dari Unit Pertanian, Landskap, dan Perhutanan dari Jabatan Pembangunan & Pengurusan Infrastruktur (JPPI) dimulakan dari Dataran Perdana melalui laluan ke Lapang Sasar dan terus ke Hidden Lake UUM.

Kemudian, peserta dibawa menaiki titi gantung yang baru dibina semula sebelum meneruskan perjalanan ke Pokok 3 Beradik.



Laluan yang berliku dan licin memberikan cabaran tersendiri kepada peserta. Program ini berakhir pada jam 12.00 tengah hari.

Presiden KESKA, Affendi Askandar dalam ucapannya berterima kasih kepada semua peserta kerana menunjukkan komitmen yang tinggi dan semangat yang luar biasa sepanjang program berlangsung.



Sementara itu, seorang peserta, Ahmad Faiz Jamal Abd Nazir berterima kasih kepada KESKA atas penganjuran program yang menarik ini.

“Ia adalah pengalaman yang sangat bermakna, bukan sahaja mencabar tetapi juga memberikan peluang untuk menikmati keindahan alam sambil mengurangkan tekanan kerja," katanya.

Diharapkan program sebegini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memastikan kesejahteraan mental dan fizikal ahli-ahli KESKA terus terjaga.

UUM Official uum.edu.my Universiti Utara Malaysia (Official FB) uumofficial
UUM TODAY UUM Today UUMToday UUMtoday
Contact Us: ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.